



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA



KENYATAAN MEDIA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

“BELANJAWAN 2025 – JPJ SAMBUT BAIK BELANJAWAN MADANI KETIGA DEMI KESEJAHTERAAN RAKYAT”

PUTRAJAYA, 19 Oktober 2024 – Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia menyambut baik dan merakamkan terima kasih kepada Kerajaan di atas pembentangan Belanjawan Madani Ketiga Tahun 2025 - Membugar Ekonomi, Menjana Perubahan, Mensejahtera Rakyat oleh YAB Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim.

Menerusi pembentangan Belanjawan 2025, JPJ Malaysia telah menambah baik perkhidmatan kaunter dengan menambah satu (1) jam waktu operasi dalam mempercepat urusan Kerajaan. Langkah yang dilaksanakan sejak 19 Ogos 2024 adalah untuk memudahkan urusan pelanggan dan memberi peluang serta lebih banyak masa kepada pelanggan untuk mendapatkan perkhidmatan JPJ.

JPJ turut menyambut baik dan bersedia menyediakan perkhidmatan kiosk JPJ di lokasi strategik yang menjadi tumpuan orang awam bagi kemudahan rakyat selaras dengan pelaksanaan Kiosk Sentuhan MADANI yang menjadi saluran tambahan kepada umum, di samping meningkatkan penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada orang awam di kaunter-kaunter agensi Kerajaan.

Seiring dengan transformasi digital, pihak JPJ turut menyokong pelaksanaan Aplikasi Tunggal Kerajaan melalui MyDigital ID sebagai kad pengenalan diri yang akan memusatkan semua agensi. Pihak JPJ juga sedang bekerjasama dengan MIMOS untuk pelaksanaan pengintegrasian secara “*seamless*” dan “*back end*” bagi Log Masuk Tunggal di aplikasi MyJPJ.

Menerusi pembentangan Belanjawan 2025 dalam Ikhtiar 14 - Penggunaan Sumber Yang Optimum, sumber Kerajaan akan dimanfaatkan melalui penyaluran sebahagian hasil daripada penjualan nombor plat khas atau Nombor Pendaftaran Istimewa (NPI) untuk kebajikan dalam membantu rakyat susah melalui inisiatif berikut :

- i. Menampung bayaran mendapatkan lesen motosikal oleh 15 ribu anak muda kurang mampu seperti murid sekolah menengah, mahasiswa dan belia yang mencari kerja.
- ii. Memberi bantuan pembelian tiket penerbangan bagi 60 ribu mahasiswa kurang mampu khususnya dari Sabah dan Sarawak untuk pulang ke kampung halaman.
- iii. Mengedarkan 67 ribu keluarga susah dengan topi keledar secara percuma untuk keselamatan anak-anak.

Kerajaan juga bersetuju untuk pemasangan *High Speed Weight in Motion* (HS-WiM) di lokasi-lokasi terpilih bagi mengekang nahas jalan raya yang disebabkan kenderaan lebih muatan. Sistem HS-WiM membolehkan berat muatan kenderaan ditimbang secara dinamik ketika kenderaan bergerak seterusnya meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan secara *real time*.

Pihak JPJ komited untuk melaksanakan inisiatif berkaitan yang dibentangkan dalam Belanjawan Madani Ketiga Tahun 2025 demi memastikan agenda kerajaan dapat dicapai seterusnya memelihara kesejahteraan yang maksimum kepada rakyat dan negara.

**KETUA PENGARAH PENGANGKUTAN JALAN
MALAYSIA
19 OKTOBER 2024**

[TAMAT]